

26 NOV 1999

P/Raya-Subang (Fokus Berita)

BARISAN NASIONAL SEDIA PERTAHANKAN SUBANG

Oleh: R.Ravichandran

PETALING JAYA, 26 Nov (Bernama) -- Pilihan raya umum ke-10 ini menyaksikan banyak persaingan satu lawan satu dan keadaan ini tidak terkecuali bagi kerusi Parlimen Subang yang menjadi rebutan antara Barisan Nasional (BN) dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan).

BN yang mencalonkan Tan Sri Dr K.S.Nijhar, setiausaha agung MIC, manakala Keadilan oleh anggota majlis tertingginya yang juga aktivis sosial, Irene Fernandez. Kedua-duanya adalah muka baru.

Tiga kerusi Dewan Undangan Negeri di Subang ialah Bukit Lanjan, Kelana Jaya dan Subang Jaya. Kebanyakan pengundi di kawasan ini terdiri daripada ahli perniagaan, profesional, kakitangan kerajaan, pekerja estet dan setinggan.

Jumlah pengundi ialah 92,794 orang dengan Melayu sebanyak 48.65 peratus, China (32.62 peratus), India (18.51 peratus) dan lain-lain 0.22 peratus.

Pada pilihan raya 1995, calon BN Datuk M.Mahalingam menang dengan majoriti 25,763 undi. Mahalingam mendapat 37,247 undi manakala Usulludin Jamil dari Parti Semangat 46 (yang kini dibubarkan) memperolehi 11,484 undi.

Bagi penduduk Subang, isu yang dibangkitkan ialah kesesakan lalu lintas dan pembangunan infrastruktur seperti jalan raya yang sempurna, penempatan semula setinggan, perumahan dan banjir.

Nijhar, yang yakin dapat mempertahankan kerusi BN itu, berkata beliau akan cuba menyelesaikan isu itu serta masalah lain seperti menyediakan banyak sekolah, pengangkutan awam dan pasar yang lebih baik di kawasan itu.

"Terdapat isu-isu yang kecil seperti membaiki papi bocor, jalan raya dan sistem perparitan yang lebih baik. Ini dapat kami selesaikan dalam masa yang singkat. Tetapi ada juga masalah yang tidak dapat diselesaikan dengan sekejapan," katanya.

Nijhar berkata rekod BN sejak kemerdekaan menunjukkan kewibawaannya terutama dalam memastikan kemakmuran, kestabilan dan kebebasan agama yang berterusan.

Menurutnya para pengundi Subang yang merangkumi banyak penduduk yang berpendidikan tinggi tidak akan mengambil risiko masa depan mereka dan anak-anak dengan mengundi pembangkang.

"Kempen politik pembangkang tidak akan berkesan. Berdasarkan maklum balas yang kita terima setakat ini, para pengundi Subang akan menolak pembangkang," kata Nijhar, yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Parlimen dan kini menjalankan perniagaannya sendiri. Beliau juga adalah anggota Majlis Perundingan Ekonomi Negara.

Fernandez pula berkata selain memberikan tumpuan kepada isu-isu tempatan seperti keperluan menyediakan pasar yang lebih baik di Subang Jaya, kempennya juga merangkumi isu nasional seperti ketidakadilan, salah pengurusan dan isu yang berkaitan dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Dengan maklum balas yang diberikan oleh penduduk dan parti lain dalam pakatan pembangkang Barisan Alternatif, saya yakin akan menang," katanya.

Fernandez turut meletakkan harapannya kepada masalah setinggan seperti di Kampung Sungai Nipah, perumahan dan undi Melayu.

Tetapi pemerhati politik berkata peluang BN untuk mengekalkan kerusi Parlimen Subang dan tiga kerusi DUN cerah berikutan rekod baik bekas Anggota Parlimen dan anggota DUN di kawasan itu.

Di Subang Jaya, penyandanginya Datuk Lee Hwa Beng yang dicabar Ong Ing

Siong dari DAP, ialah seorang pemimpin masyarakat yang sangat dikenali manakala di Bukit Lanjan, kecemerlangan bekas ADUN Dr Pius Martin terutama dalam pembinaan beribu-ribu unit rumah kos rendah di Sungai Buloh, akan mencerahkan lagi peluang muka baru BN Lum Weng Keong dari Gerakan untuk mempertahankan kerusi itu daripada cabaran calon DAP, Saw Cheong Teng.

Lee berjaya memperjuangkan banyak perkara termasuk pembinaan sekolah rendah Cina baru, meningkatkan persimpangan Subang Barat, kelulusan membina jalan masuk dari Glenmarie ke Subang Jaya dan meningkatkan jalan raya utama di Subang Jaya dan Bandar Sunway, yang semuanya dijangka membawa keselesaan dan kemudahan kepada penduduk berkenaan.

Di Kelana Jaya, dengan calon BN Datuk Mohd Mokhtar Ahmad Dahlan menghadapi lawan sengit dengan calon PAS Mohd Fadzli Abul Samat, rekod kecemerlangannya mengatasi masalah setinggan di kalangan orang Melayu dan India akan memudahkannya mempertahankan kerusi itu.

"Pembangking hanya boleh buat janji. Tetapi kami membina lebih 7,600 apartmen kos rendah hanya untuk menyelesaikan masalah setinggan di kawasan saya," katanya.

Mohd Mokhtar berkata majoriti penduduk Melayu akan tetap memilih BN. Penubuhan 11 cawangan Umno di Subang baru-baru ini menggambarkan kejayaan parti itu.

Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Bandar Sunway dua hari lepas juga menarik kira-kira 10,000 orang dan meletakkan para penyokong dan pekerja BN dalam semangat yang tinggi.

Dengan sentimen pengundi China adalah banyak menjurus kepada BN dan undi penduduk India tegas berdiri di belakang calon-calon BN serta tenaga kerja Umno seramai 24,000 orang, BN kini bersedia mempertahankan Subang dan tiga kerusi DUN itu walaupun dengan jangkaan penurunan majoriti pada pilihan raya umum Isnin ini.

-- BERNAMA

RV NAK